UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
21030 KUALA NERUS, TERENGGANU, MALAYSIA
+609-633 4111
www.umt.edu.my
pejabat.bendahari@umt.edu.my
PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan : UMT/BEND/100-4/8 Jld 2 (8)
Tarikh : 26 Julai 2026
Bersamaan : 11 Safar 1448H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8 TAHUN 2026

PINDAAN PERATURAN PEROLEHAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan peraturan perolehan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kementerian Kewangan telah membuat semakan dan pindaan berkaitan dengan Perolehan Kerajaan (PK) dan Pengurusan Wang Awam (WP 7.5): Pengurusan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan berkuat kuasa pada 15 Januari 2026.

2.2 Pindaan ini bertujuan untuk memperkukuh tatakelola dalam pengurusan perolehan di Badan Berkanun Persekutuan (BBP).

2.3 Pindaan peraturan perolehan ini telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:

a. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali Ke-72 (Bil. 1 Tahun 2026) pada 3 Mac 2026; dan

b. Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke-106 (Bil.4 Tahun 2026) pada 30 Mac 2026.

3. PINDAAN PERATURAN PEROLEHAN

3.1 Pindaan peraturan perolehan UMT berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan: PK-Perolehan Kerajaan dan Pengurusan Wang Awam (WP 7.5)- Pengurusan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan adalah bagi perkara berikut:

Bil	Pekeliling	Pindaan
1.	W.P 7.5 : Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan *(15 Januari 2026)*	a) Keanggotaan: i) Lembaga Perolehan; dan ii) Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) b) Projek *Public-Private Partnership*
2.	PK 2.1 : Perihal Umum	Pelaksanaan Harga Indikatif Jabatan
3.	P.K 2.2 : Tender Terbuka	Kaedah Penilaian Bekalan atau Perkhidmatan
4.	PK 4.2 : Setuju Terima , Pesanan Belian dan Inden Kerajaan bagi Perolehan Kerajaan	Denda/Tolakan/ *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD)
5.	PK 8 : Tindakan Tatatertib ke atas Syarikat dalam Perolehan Kerajaan	Tindakan Tatatertib ke atas Syarikat dalam Perolehan Kerajaan

3.2 Perincian pindaan Peraturan Perolehan UMT adalah sepertimana di **Lampiran 1.**

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai 1 April 2026.

Sekian, terima kasih.

"KEBERSAMAAN UMT"
"MALAYSIA MADANAI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

TUAN HAJI MOHD RIDUAN BIN MOHAMED RAKHAZALI C.A. (M)
Bendahari
Universiti Malaysia Terengganu

s.k:
1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Fail

Lampiran 1

PINDAAN PERATURAN PEROLEHAN

A. Keanggotaan:
   i. Lembaga Perolehan; dan
   ii. Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH)

B. Projek *Public-Private Partnership*

C. Pelaksanaan Harga Indikatif Jabatan

D. Kaedah Penilaian Bekalan atau Perkhidmatan

E. Denda/Tolakan/*Liquidated and Ascertained Damages* (LAD)

F. Tindakan Tatatertib ke atas Syarikat dalam Perolehan Kerajaan

PINDAAN PERATURAN PEROLEHAN UMT

A) Pekeliling Pengurusan Wang Awam (W.P 7.5 – Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan)

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Pindaan Peraturan</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Pindaan bagi Keanggotaan Lembaga Perolehan UMT:
<table>
<tr><td>Pengerusi</td><td>Naib Canselor UMT
(memenuhi syarat i, ii dan iii)</td></tr>
<tr><td>Pengerusi Ganti</td><td>Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Wakil Pegawai Kementerian Kewangan dalam Lembaga Pengarah Universiti)
(memenuhi syarat i, ii da, iii)</td></tr>
<tr><td rowspan="8">Ahli</td><td>Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Wakil Silih Ganti (Wakil Pegawai Kementerian Kewangan atau Wakil Silih Ganti dalam Lembaga Pengarah Universiti)</td></tr>
<tr><td>Wakil Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi

(Wakil Pegawai Kementerian Pendidikan Tinggi atau Wakil Silih Ganti dalam Lembaga Pengarah Universiti)</td></tr>
<tr><td>Pro Naib Canselor (Strategi, Prestasi & Korporat)</td></tr>
<tr><td>Satu (1) orang Dekan Fakulti</td></tr>
<tr><td>Satu (1) orang Pengarah Institut</td></tr>
<tr><td>Pendaftar</td></tr>
<tr><td>Wakil Tetap Teknikal dari Jabatan Kerja Raya (JKR)</td></tr>
<tr><td>Seorang pagawai awam (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) dari agensi lain yang dengan pengetahuan dan pengalamannya boleh memberi sumbangan kepada Lembaga Perolehan (jika perlu) – dilantik oleh Naib Canselor UMT</td></tr>
<tr><td>Setiausaha</td><td>Bendahari</td></tr>
<tr><td>Urusetia</td><td>Pegawai Kewangan</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

Bil	Pindaan Peraturan
2.	**Pindaan bagi Keanggotaan Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) UMT:**

Pengerusi	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi **(Memenuhi syarat i dan ii)**
Pengerusi Ganti	Bendahari **(memenuhi syarat i dan ii)**
Ahli	Pendaftar **(Memenuhi syarat iii)**
	Bendahari **(Memenuhi syarat iii)**
	Satu (1) orang Dekan Fakulti **(Memenuhi syarat iii)**
	Satu (1) orang Pengarah Institut **(Memenuhi syarat iii)**
	Pegawai Berpengetahuan Teknikal Dalaman yang dilantik oleh Naib Canselor UMT – Lantikan Tetap **(Memenuhi syarat iv)**
	Pegawai Undang-undang **(Memenuhi syarat iii)**
	Wakil daripada Jabatan Teknik Dalaman / JKR Malaysia/ JPS Malaysia sebagai ahli JKSH sekiranya kepakaran teknikal diperlukan yang dilantik oleh Naib Canselor UMT
Setiausaha	Pegawai Kewangan

Kuorum mesyuarat adalah tiga (3) orang iaitu Pengerusi dan dua (2) ahli JKSH yang dilantik.

3.	**Menerima pakai peraturan WP7.5 –Projek *Public-Private Partnership* (PPP) :** **Menerimapakai sepertimana ketetapan WP7.5** iaitu panduan pelaksanaan adalah sepertimana berikut: Panduan pelaksanaan adalah sepertimana berikut: 1) Semua projek PPP yang ingin dilaksanakan oleh UMT yang melibatkan perkara berikut, perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri: a) UMT menerima peruntukan/pembiayaan tahunan Kerajaan Persekutuan; b) cadangan projek PPP melibatkan aset/tanah di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) termasuk aset/tanah yang telah dipindah milik oleh Kerajaan Persekutuan kepada BBP; c) projek PPP melibatkan pembangunan strategik negara yang merujuk kepada objektif utama dan matlamat jangka panjang yang penting meliputi aspek keselamatan, kedaulatan, kesejahteraan ekonomi dan sosial, dan kelangsungan Kerajaan. Contoh projek pembangunan strategik negara adalah seperti lebuh raya, pelabuhan, lapangan terbang, peralatan keselamatan dan ketenteraan serta sebagainya; atau d) projek PPP melibatkan komitmen kewangan Kerajaan Persekutuan melalui apa-apa pembayaran seperti sewa, pajakan, geran dan sebagainya dengan nilai ambang kos melebihi RM50 juta dan 7 tahun konsesi tanpa mengambil kira status pemilikan aset/tanah dan sumber pembiayaan.

Bil	Pindaan Peraturan
	2) Sebarang pengecualian daripada syarat di perenggan 1 hendaklah dikemukakan kepada UKAS melalui perakuan Lembaga Pengarah dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 3) UMT yang tidak terikat dengan kriteria di perenggan 1 boleh melaksanakan projek PPP sendiri tertakluk kepada perkara-perkara berikut: a) cadangan projek merupakan cadangan projek PPP yang baharu dan bukannya cadangan projek PPP yang telah dikemukakan kepada UKAS atau projek PPP sedia ada; b) cadangan projek PPP hendaklah menepati maksud penubuhan dan hala tuju BBP sepertimana yang dinyatakan melalui akta tubuh UMT; c) cadangan projek mempunyai nilai ambang kos kurang daripada RM50 juta dan tempoh konsesi kurang daripada 7 tahun; d) cadangan projek melibatkan aset/tanah milik UMT dan tidak melibatkan apa jua aset/tanah milik Kerajaan Persekutuan/Pesuruhjaya Tanah Persekutuan/Agensi Persekutuan termasuk aset yang telah dipindah milik kepada Kerajaan Persekutuan kepada BBP; e) cadangan projek hanya melibatkan komitmen kewangan UMT dan tidak melibatkan sebarang risiko atau komitmen kewangan (dalam apa jua bentuk) kepada Kerajaan Persekutuan termasuk jaminan daripada Kerajaan Persekutuan serta tidak terdedah kepada sebarang risiko kewangan, undang-undang dan lain-lain pendedahan risiko (*risk exposure*); dan f) cadangan projek adalah berdaya maju secara komersial (*commercially viable - the ability of a project to compete effectively and to make a profit*), kebolehbankkan (*bankability - an ability of a project to obtain and service financing*) dan risiko pelaksanaan projek ke atas BBP adalah minimum dan terhad. 4) **UMT yang akan melaksanakan sendiri projek PPP hendaklah merujuk kepada UKAS bagi mendapatkan khidmat nasihat berhubung tata kelola, garis panduan dan prosedur pelaksanaan projek PPP**, antara lainnya, yang melibatkan perkara berikut: a) mewujudkan tata kelola, garis panduan dan prosedur pelaksanaan cadangan projek PPP berdasarkan Akta Tubuh/Enakmen badan berkanun masing-masing serta mengambil kira pekeliling serta garis panduan yang diterima pakai oleh BBP melalui lembaga pengarah masing-masing; b) menubuhkan jawatankuasa khusus yang berfungsi untuk merancang, menilai, menyelaras, merunding, memuktamad, memantau pelaksanaan cadangan projek PPP serta penyerahan semula aset/infrastruktur/perkhidmatan (jika ada); c) menggunakan parameter kewangan dalam menilai cadangan projek PPP, antara lain, seperti Kadar Pulangan Dalam Ekuiti (*Equity Internal Rate of Return* - EIRR), Kos Modal Purata Wajaran (*Weighted Average Cost of Capital* - WACC), Nisbah Hutang kepada Ekuiti (*Debt to Equity Ratio*) dan Nilai Bersih (*Net Worth*) syarikat adalah tidak kurang 10% daripada nilai kos projek; dan d) memastikan pemegang saham dalam Syarikat Bertujuan Khas (*Special Purpose Vehicle* - SPV) yang ditubuhkan bagi melaksanakan projek adalah sekurang-kurangnya 30% Bumiputera dan pegangan warganegara asing tidak melebihi 25% daripada keseluruhan pemegangan saham SPV.

Bil	Pindaan Peraturan
	5) UMT yang akan melaksanakan sendiri projek PPP bertanggungjawab sepenuhnya dan menanggung sebarang risiko yang timbul daripada pelaksanaan projek PPP tersebut

B) PK2.1: Perihal Umum

Bil	Pindaan Peraturan
1	**Menerima pakai peraturan PK2.1 – Harga Indikatif Jabatan** **Harga Indikatif Jabatan** Penyediaan harga Indikatif Jabatan: i) Harga indikatif Jabatan hendaklah disediakan secara keseluruhan bagi setiap perolehan dan memasukkan nilai jumlah harga indikatif Jabatan tersebut ke dalam dokumen pelawaan, manakala harga indikatif Jabatan yang terperinci mengikut setiap item/skop perlu dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum tarikh tutup pelawaan. Harga indikatif Jabatan yang dinyatakan pada dokumen pelawaan adalah sama dengan harga indikatif Jabatan yang dimasukkan dalam peti tawaran sebelum tarikh tutup pelawaan. ii) Harga indikatif Jabatan hendaklah berdasarkan harga pasaran semasa, realistik dan terkini, mengambil kira kos pengendalian, kos pengangkutan, kos upah (jika berkaitan) dan margin keuntungan yang munasabah, namun tidak termasuk kenaan Cukai Jualan/Cukai Perkhidmatan. Kenaan Cukai Jualan/Cukai Perkhidmatan hanya diambil kira dalam penyediaan anggaran peruntukan Jabatan bagi tujuan permohonan peruntukan bagi suatu perolehan, iii) Bagi perolehan bekalan/ perkhidmatan/kerja yang sukar ditentukan Harga Indikatif Jabatan, PTj boleh membuat anggaran munasabah yang terkini berdasarkan harga pasaran semasa atau merujuk kepada kontrak terdahulu Agensi lain sekiranya berkaitan. Harga kontrak terdahulu boleh diambil kira, namun perlu mengambil kira nilai inflasi atau sebarang harga pasaran terkini bagi penetapan Harga Indikatif Jabatan terkini. iv) Bagi perolehan kerja, perkiraan Harga Indikatif Jabatan **tidak boleh** sama sekali mengguna pakai Jadual Kadar Kerja. Jadual Kadar Kerja ini adalah dikhususkan untuk kerja kecil secara requisition/undian.

C) PK 2.2 : Tender Terbuka

Bil	Pindaan Peraturan
1	**Menerima pakai peraturan PK2.2: Kaedah Penilaian Bekalan atau Perkhidmatan** **Penilaian dua (2) peringkat** a. Penilaian 2 peringkat hendaklah dilaksanakan kepada semua perolehan bekalan dan perkhidmatan kecuali bagi perolehan yang mengikut kod bidang yang dibenarkan. b. Penilaian 2 peringkat dilaksanakan oleh dua (2) jawatankuasa iaitu penilaian teknikal dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal manakala penilaian kewangan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Kewangan. c. **Petender yang melepasi penilaian pematuhan ke atas dokumen mandatori akan dinilai di peringkat penilaian teknikal terlebih dahulu. Petender yang melepasi penilaian teknikal sahaja akan dinilai di peringkat penilaian kewangan**

D) PK 4.2 : Setuju Terima , Pesanan Belian dan Inden Kerajaan bagi Perolehan Kerajaan

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Pindaan Peraturan</th></tr>
<tr><td>1</td><td>
Menerima pakai peraturan WP4.2 – Denda/Tolakan/Liquidated and Ascertained Damages (LAD) sepertimana berikut:

a) Denda bagi Kontrak Bekalan dan Perkhidmatan:
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Kontrak</th><th>Jenis Denda</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Bekalan (cth: peralatan akademik, peralatan sukan, alat ganti ICT, toner pencetak, kertas A4, dll)</td><td>Lewat Pembekalan

• Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Kerajaan boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat mengikut formula berikut :

V (T + D) x 5% T
V: Nilai harga peralatan yang lewat dibekalkan;
T: Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan
D: Bilangan hari yang lewat.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Bekalan (cth: peralatan akademik, peralatan sukan, alat ganti ICT, toner pencetak, kertas A4, dll)</td><td>Rendah kualiti/tidak memenuhi spesifikasi

• Setelah penerimaan peralatan sempurna dan didapati peralatan rendah kualiti daripada spesifikasi, Kerajaan boleh meminta syarikat menggantikan peralatan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.
• Kerajaan akan mengenakan denda sebanyak 1% daripada harga peralatan itu pada setiap 7 hari bekerja kelewatan tetapi tidak melebihi 5% daripada harga peralatan tersebut.</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Bekalan (bahan mentah, basah dan kering)</td><td>Gagal Membuat Pembekalan

• Bagi barang-barang makanan yang tidak diserahkan setelah dipesan, Kerajaan berhak membeli daripada punca lain dan syarikat hendaklah membayar kos perbelanjaan memperolehi barang-barang makanan yang lebih daripada harga di dalam Perjanjian ini dan Kerajaan juga boleh mengenakan denda sebanyak 10% dari nilai barang-barang makanan yang dipesan itu atau RM500 mengikut mana yang kurang.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Perkhidmatan (cth: sewaan peralatan ICT)</td><td>Lewat Menyediakan Perkhidmatan

• Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Kerajaan boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat sehingga peralatan tersebut sedia untuk digunakan di premis yang ditentukan oleh Kerajaan seperti formula denda berikut:

A x B x C x 1%

A : Nilai sewaan peralatan sebulan.
B : Bilangan hari yang lewat.
: Bilangan peralatan.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Perkhidmatan (cth: sewaan peralatan ICT)</td><td>Lewat Sewaan

• Setelah penerimaan peralatan sempurna dalam tempoh sewaan, Kerajaan berhak mengenakan denda sebanyak 1% daripada nilai Sewa Peralatan bagi setiap satu hari Kerajaan tidak dapat menggunakan peralatan untuk tujuan disewa.</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

Bil	Pindaan Peraturan
	b) LAD bagi Kontrak Bekalan, Perkhidmatan:

Bil	Kontrak	Jenis Denda
1.	Bekalan dan Perkhidmatan ICT	**Gagal Menyempurnakan Bekalan/ Perkhidmatan** • Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Kerajaan dengan menggunakan formula berikut: (BLR + 1%) x (Nilai Kontrak / 365) x (bilangan hari lewat)

E) PK 8 : Tindakan Tatatertib ke atas Syarikat dalam Perolehan Kerajaan

Bil	Pindaan Peraturan
1	**Menerimapakai ketetapan PK8 iaitu Jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh Syarikat atau Firma Perunding** sepertimana berikut: **Jenis-Jenis Kesalahan yang dilakukan oleh Syarikat atau Firma Perunding** a) Kesalahan kerana Melanggar Syarat Pendaftaran seperti: 1. Memalsu atau meminda maklumat /dokumen 2. Memperdaya untuk taraf Bumiputera 3. Membernakan Sijil Akuan Pendaftaran digunkana oleh individu/Syarikat/firma peruding lain 4. Gagal mematuhi syarat pendaftaran 5. Gagal mengemaskini maklumat Syarikat /perunding 6. Tidak memberi Kerjasama dalam hal-hal urusan pendaftaran. b) Kesalahan kerana Melanggar Syarat Tender /Kontrak seperti: 1. Pemalsuan Maklumat / Dokumen 2. Menarik diri 3. Menolak tawaran 4. Pakatan harga 5. Sub-kontrak atau assignment 6. Gagal mengekalkan taraf Bumiputera sepanjang tempoh kontrak berkuatkuasa 7. Gagal mematuhi Obligasi /Kontrak/Pesanan Belian c) Kesalahan Jenayah dan Tanggungan Sivil seperti: 1. Kesalahan jenayah 2. Tanggunggan sivil

Bil	Pindaan Peraturan
2	**Menerimapakai ketetapan PK8 iaitu Jenis-jenis tindakan atau hukuman tatatertib** sepertimana berikut: **Jenis-jenis tindakan dan hukuman tatatertib** Jenis tindakan atau hukuman tatatertib yang boleh diambil bagi kesalahan seperti di perenggan 1 adalah sepertimana berikut: a) Surat amaran; b) Pembekal/Syarikat **TIDAK** dibenarkan untuk menyertai perolehan di UMT; atau c) Melaporkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia